

Analisa Kajian Psikospiritual Islam di Malaysia: Sorotan Kajian Sistematik (SLR)

Nur Masitah Mazlan¹ & Norhapizah Mohd Burhan^{2*}

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor,
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari,, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka,
26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia
drizahuitm@gmail.com
*Corresponding Author

Received: 14 January 2024

Accepted: 15 February 2024

Date Published Online: 15 March 2024

Abstrak: Psikospiritual Islam merupakan sebuah disiplin ilmu yang mengintegrasikan elemen psikologi dan kerohanian berdasarkan kepada prinsip Islam. Ia juga dikenali sebagai kaedah rawatan jiwa dan rohani berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah serta amalan para ulama Islam terdahulu yang bertepatan dengan prinsip syariah Islam. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kajian tentang psikospiritual Islam yang telah dijalankan oleh para pengkaji di Malaysia. Pendekatan kajian ini adalah secara kualitatif menggunakan reka bentuk analisis kandungan secara sorotan kajian sistematik (*systematic literature review-SLR*) yang memberi fokus kepada elemen psikospiritual Islam. Pelaksanaan kajian ini mempunyai tiga peringkat: (i) memilih artikel yang bersesuaian dengan kajian iaitu, pengenalpastian (*identification*), ii) saringan artikel yang diperlukan (*screening*) dan iii) kelayakan (*eligibility*) dengan fokus kajian. Kajian mendapati hanya 12 artikel yang memenuhi 3 kriteria tersebut yang membincangkan isu psikospiritual daripada pelbagai skop perbincangan. Berdasarkan kesemua artikel yang dikaji, dapatkan kajian menunjukkan psikospiritual Islam berupaya menyelesaikan masalah hidup yang dihadapi oleh pelbagai lapisan kategori manusia kerana ia adalah proses mengembalikan hamba kepada Allah S.W.T. Kesimpulannya, psikospiritual Islam sangat berperanan dalam membentuk diri manusia agar menjadi hamba yang bertakwa di sisi Allah S.W.T.

Kata Kunci: Psikologi, psikospiritual, sistematik literatur review, analisa, Islam

Pendahuluan

Allah S.W.T menciptakan manusia dalam bentuk sebaik-baik kejadian. Allah S.W.T berfiman yang bermaksud :

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah, Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus.

(Surah At-Tin 95:4-6)

Surah At-Tin ini menjelaskan bahawa manusia merupakan sebaik-baik ciptaan Allah dan Allah S.W.T berkuasa mengubahnya kepada tahap yang paling rendah bergantung kepada setiap perbuatan yang dilakukan. Setiap manusia secara fitrahnya menyukai kebaikan dan membenci kejahanatan, Walaupun begitu sikap manusia turut terkesan dengan corak didikan yang diterima di rumah, di sekolah, di pusat pengajian tinggi, dan suasana persekitaran yang didiami. Sesiapa yang terdedah

dengan amalan positif dan sentiasa beramal dengan amal soleh akan kekal berada dalam fitrahnya manakala sesiapa yang tidak beramal dengan amal soleh akan jatuh ke martabat yang paling rendah daripada haiwan (Surah al-Tin: ayat 4-6) (Fakhri Fadzli 2022). Pandangan alam, corak pendidikan dan persekitaran merupakan elemen penting mempengaruhi setiap tingkah laku individu. Manusia dijadikan oleh Allah memiliki empat unsur utama iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Keempat-empat unsur ini perlu diurus dengan bijaksana kerana ia menentukan perihal kehidupan seorang insan.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan meletakkan aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek sebagai komponen penting yang perlu dijaga secara seimbang untuk melahirkan insan sejahtera. Kekuatan diri seorang insan bergantung kepada fungsi setiap komponen luaran dan dalaman di dalam diri. Hakikatnya, tingkah laku individu banyak dicorakkan oleh pelbagai faktor pemikiran, hawa nafsu, bisikan syaitan, keadaan persekitaran, ahli keluarga, budaya, dan cinta dunia yang secara tidak langsung menghalang kesejahteraan fitrah insan (Zulkipli et al. 2023; Salleh, et al., 2022; Paad et al. 2021). Oleh itu, setiap insan dituntut menyediakan persiapan rapi sebagai usaha menangkis dan mempertahankan diri dari segenap cabaran dalam kehidupan.

Langkah untuk menyelamatkan manusia daripada semua perlakuan negatif adalah dengan menitikberatkan pendidikan kerohanian atau spiritual agar pertumbuhan jasmani seimbang dengan pertumbuhan rohani. Pendidikan agama adalah asas pertama yang dapat menguatkan mental (akal) generasi muda yang sedang tumbuh agar mereka memiliki sifat mencintai keadilan dan kebenaran. Pendidikan yang menekankan aspek kerohanian sangat menitikberatkan unsur dalaman bagi setiap individu dan perhatian yang sewajarnya diberikan untuk memastikan semua perkara ini dapat direalisasikan (Arena Che Kassim 2021).

Psikospiritual merupakan suatu pendekatan kerohanian yang mampu menjadi benteng daripada penyelewengan akhlak. Psikospiritual adalah gabungan perkataan psikologi bermaksud kejiwaan atau fikiran yang berhubung rapat dengan emosi (Abdul Aziz et al. 2022), manakala spiritual adalah tentang kerohanian, pengabdian dan penyerahan diri kepada Tuhan (Najmee et al., 2020). Psikospiritual adalah pendidikan kerohanian yang bersifat berterusan untuk membangunkan diri manusia agar mampu bertindak menggunakan nilai positif dalam kehidupan (Arena Che Kassim 2021). Pendekatan psikospiritual Islam mengetengahkan kaedah penyucian jiwa (*tazkiyyah al-nafs*) yang menjadi keperluan kepada manusia demi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan kebahagiaan di alam akhirat.

Psikospiritual Islam adalah bersumberkan al-Quran, as-Sunnah dan amalan para ulama' Islam. Al-Quran menyediakan pedoman dan panduan jelas untuk membimbing akal dan hati bagi mencapai keredhaan Allah serta kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Jiwa yang seimbang adalah natijah dari kesempurnaan diri yang dipandu oleh iman, dan diperkuuhkan menerusi penyuburan *aqal*, *ruh*, dan *qalb* (al-Ghazali, 1988; al-Makki, 1997). Psikospiritual Islam sangat penting kerana ia dapat membantu umat Islam mengawal diri dan menghidarkan diri daripada perbuatan buruk dan keji. Di samping itu, ia boleh menjadi metod pengubatan dan rawatan kepada individu yang berperilaku buruk serta menjadi metod bimbingan dan pembangunan yang membantu usaha pemulihan secara intensif agar terhindar daripada perilaku dosa dan maksiat.

Psikospiritual Islam

Psikologi ialah perkataan Yunani yang berasal dari perkataan psyche dan logos. Psyche bermakna jiwa, dan Logos bermakna ilmu. Oleh itu, ia mudah difahami sebagai ilmu jiwa. Kata "jiwa" dalam bahasa Arab dipadankan dengan kata "ruh", yang bermaksud "jiwa", "nyawa", dan "angin" (Adnan Achiruddin Saleh 2018).

Ilmu kejiwaan dikenali sebagai psikologi, iaitu bidang ilmu yang mengkaji hakikat manusia dari perspektif kejiwaan dan kemasyarakatan. Para ilmuwan Islam telah lama mengkaji ilmu kejiwaan ini mendahului ahli psikologi Barat. Imam al-Ghazali adalah salah seorang ilmuwan Islam yang telah mengkaji dan menulis tentang psikologi iaitu menerusi kitab *Ihya' Ulum al-Din*. Al-Farabi menulis tentang subjek ini dalam *Risalah fi al-'Aql*, Ibn Sina menulis *al-Shifa'*, Ibn al-Jawzi menulis *al-Tib al-Ridhni*, dan Ibn al-Qayyim menulis *al-Tib al-Nabawi*. Kajian ahli psikologi Islam pada peringkat awal lebih berfokus kepada falsafah yang membincangkan jiwa, mental, tingkah laku manusia dan

hubungannya dengan konsep tazkiyyah al-nafs yang merupakan cara untuk mengakrabkan diri kepada Allah (S.W.T).


Menurut Kamus Dewan (1998), dari segi etimologi, "spiritual" merujuk kepada rohaniah, sifat-sifat rohani, kebatinan atau nilai hidup. Psikospiritual Islam merupakan bidang ilmu yang menggabungkan aspek psikologi dan kerohanian berdasarkan prinsip Islam. Sarjana Barat berpendapat bahawa psikospiritual Islam berbeza dengan yang lain kerana penumpuan kepada tauhid sebagai asas membina dan merawat penyakit rohani manusia. Dalam pendekatan psikospiritual Islam, kaedah penyucian jiwa, iaitu *tazkiyyah al-nafs*, amat diperlukan oleh manusia demi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Zahid 2019).

Psikologi Islam hakikatnya lebih mengambil berat aspek psikospiritual berbanding aspek minda dan intelek (Badri, 2018). Psikospiritual Islam membentuk manusia menjadi insan yang berkeperibadian mulia. Kepentingan memiliki keperibadian yang baik disokong oleh al-Quran dan as-Sunnah serta tafsiran ulama' Islam (Othman, 2011). Matlamat hidup muslim adalah menjadi hamba yang sentiasa beribadah kepada Allah S.W.T dan hidup di dalam keredhaan-Nya.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah sorotan kajian sistematik (*systematic literature review-SLR*). Metod ini menganalisis secara sistematik kajian terdahulu berkaitan Psikospiritual Islam. Sumber literatur adalah antara tahun 2018 hingga 2023. Kajian ini mengaplikasi kaedah tinjauan SLR yang merangkumi nama penulis, tajuk, isu atau gap, metod dan dapatan kajian. Hanya perkara berkaitan dengan persoalan dan objektif kajian dimasukkan ke dalam penulisan SLR.

Pencarian artikel menggunakan kata kunci "PSIKOSPIRITUAL ISLAM" bagi mendapatkan data kajian. Pencarian menggunakan *google scholar* dalam kajian ini. Pemilihan *Google Scholar* adalah disebabkan ia membolehkan pengguna melakukan pencarian artikel ilmiah atau jurnal berupa teks berbagai format penerbitan seperti PDF yang bertujuan agar pengguna lebih mudah mendapatkan idea atau gagasan untuk membuat karya ilmiah yang berkualiti (Rafika et al., 2017). Terdapat 22 artikel berdasarkan carian dengan menggunakan kata kunci "PSIKOSPIRITUAL ISLAM". Setelah analisis yang dilakukan terhadap tajuk dan abstrak, terdapat 12 artikel yang diterima dan akan digunakan bagi penyelidikan ini.



Rajah 1. Sumber Primitif: Michie & Williams, 2003

Rajah 1 menunjukkan proses pencarian artikel bagi kajian ini. Proses pertama adalah mendapatkan artikel daripada pangkalan data. Terdapat sebanyak 22 artikel berdasarkan carian kata kunci “PSIKOSPIRITUAL ISLAM”. Setelah saringan dijalankan, artikel yang menepati fokus kajian yang akan digunakan dalam kajian ini hanyalah 12 artikel sahaja.

Dapatan dan Perbincangan

Sebanyak 12 artikel yang berkaitan telah dikenal pasti berkaitan tajuk ini. Dapatan yang diperoleh diringkaskan seperti Jadual 1:

Jadual 1. SLR elemen psikospiritual Islam

Bil	Kajian	Tajuk	Isu/Gap	Metod	Dapatan Kajian
1	Zuraidah Abdullah, Che Zarrina Sa'ari & Lee Wei Chang (2018)	Transgenderisme Di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali Kepada Fitrah Dari Perspektif Psikospiritual Islam	Fokus kajian adalah terhadap pelan bimbingan kepada golongan transgender berdasarkan perspektif psikospiritual Islam. Intervensi psikospiritual Islam, bimbingan kaunseling syarie oleh kaunselor syarie, kesedaran undang-undang, program <i>outreach</i> dan kem ibadah dilakukan terhadap golongan transgender dalam usaha bimbingan kembali kepada fitrah.	Gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif.	Semua pihak berperanan mencari jalan penyelesaian dalam bentuk bimbingan terhadap golongan transgender. Kajian berterusan perlu dijalankan dan dipergiatkan lagi terhadap golongan ini sama ada yang berkaitan perundangan, psikologi, sosial dan pendekatan keagamaan.
2	Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Syamim Zakwan Rosman, Suriani Sudi, Norsaleha Mohd Saleh & Abdul Hadi Awang (2019)	Terapi Psikospiritual Islam Untuk Pencegahan Dadah Golongan Berisiko Menurut Pendekatan Abu Talib Al-Makki (W. 386h)	Pendekatan psikospiritual Islam menurut Abu Talib al-Makki disesuaikan dalam membentuk model pencegahan dadah golongan berisiko		Abu Talib al-Makki telah membincangkan beberapa pendekatan psikospiritual yang yang sesuai dijadikan terapi pencegahan penagih dadah. Pendekatan psikospiritual Islam merupakan alternatif yang mesti diperkasakan bagi menangani isu penagihan dadah.
3	Aisyah Najibah Ahmad Najmee, Adriana Qistina Tan, Adib Fahmy Awang, Nor	COVID-19: Perspektif Psikospiritual Islam bagi Pelajar	Kajian meneroka perspektif psikospiritual Islam tentang pandemik COVID-19 secara mendalam. Saranan	Tinjauan naratif	Psikospiritual Islam dapat membantu pelajar menghadapi wabak COVID-19 dengan baik serta

	Raihan Zulkefly, Nurulhuda Mat Hassan (2020)		psikospiritual Islam diperkenalkan kepada pelajar dalam menghadapi wabak ini.		berpotensi membantu pelajar mengadaptasi kehidupannya ketika berdepan dengan perubahan norma baharu.
4	Siti Zafrina Mohd Zahari, Muhammad Muzakir Othman@ Seman, Siti Norma Aisyah Malkan@ Molkan & Nurul Hidayah Che Hassan (2021)	Pendekatan Terapi Psikospiritual Islam Di Kalangan Pelajar Wanita: Suatu Tinjauan Umum Di Uitm Pahang, Kampus Jengka	Kajian meneroka sejauh mana pendekatan terapi psikospiritual Islam bagi pelajar wanita yang mengalami masalah kerohanian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang Kampus Jengka	Kualitatif	Kajian menunjukkan proses rawatan kesihatan pelajar secara umum di kampus sebelum dirawat dengan kaedah terapi psikospiritual Islam. Inisiatif yang tepat telah dilakukan oleh pihak UiTM Pahang Kampus Jengka dalam ikhtiar menjaga kemaslahatan pelajar di kampus seterusnya menatihahkan suatu perubahan yang lebih baik dalam kehidupan pelajar secara keseluruhannya.
5	Che Zarrina Sa'ari, Hasimah Chik, Che Zuhaida Saari, Sharifah Basirah Syed Muhsin, Nor Azah Abdul Aziz, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Abdul Salam bin Muhamad Shukri, Salmah Karman, Abdul Ghafar Surip & Sheriza Izwa Zainuddin (2021)	Analisis Keperluan Pembangunan Manual Psikospiritual Islam Dalam Penjagaan Paliatif	Fokus kajian ini adalah untuk memperkenalkan pendekatan Islam dalam konsep penjagaan pesakit terminal atau pesakit tiada harapan sembuh seperti pesakit kanser, pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang dan lain-lain. Penjagaan melibatkan aspek fizikal, spiritual, mental dan sosial kepada para pesakit diutarakkan. Analisis keperluan kajian reka bentuk dan pembangunan manual psikospiritual Islam dalam penjagaan paliatif dikenal pasti dalam kajian ini.	Kuantitatif	Pembinaan manual berdasarkan psikospiritual Islam dipersetujui oleh majoriti pengamal perubatan, penjaga pesakit dan populasi awam dalam kajian ini.

6	Nur Shahidah Paad, Sharifah Basirah Syed Muhsin, Mohd Syukri Zainal Abidin (2021)	Implementasi Psikospiritual Islam Dalam Pembentukan Model Motivasi Pembangunan Diri Remaja	Pengaruh negatif dan pengabaian terhadap aspek psikospiritual mengakibatkan motivasi remaja berada dalam keadaan tidak stabil dan merosot. Kesannya, remaja mengalami kegagalan dalam proses pembangunan diri. Bagi menyelesaikan isu tersebut, analisis kandungan dilakukan.	Kualitatif	Kajian ini mencadangkan model motivasi yang lebih sistematis dan berkonseptan Islamik yang sesuai dengan keperluan psikologikal remaja. Unsur psikospiritual Islam dimasukkan dalam model motivasi yang dicadangkan seperti asas pembinaan akhlak, potensi roh, elemen <i>tazkiyah al-nafs</i> dan niat untuk pembangunan diri remaja.
7	Endah Wahidah, Rifki Rosyad, Ilim Abdul Halim (2021)	Perubahan Keberagamaan Klien Pasca Terapi Psikospiritual Islam	Kajian menganalisis gambaran kondisi keberagamaan klien sebelum terapi Psikospiritual Islam, proses terapi sikospiritual Islam yang dilakukan di Yayasan Living Meaning Center Bandung, keberagamaan klien pasca terapi Psikospiritual Islam dan perubahan keberagamaan klien pasca terapi Psikospiritual Islam	Kualitatif	Terdapat gambaran keberagamaan klien sebelum terapi Psikospiritual Islam. Proses terapi psikospiritual Islam di yayasan Living Meaning Center Bandung dilakukan dengan prosedur kaunseling tahap awal. Terdapat Perubahan keberagamaan klien pasca terapi Psikopiritual Islam. Dari segi penghayatan, kebanyakan klien menjadi lebih tenang dan hidupnya menjadi lebih bermakna. Klien menjadi lebih bersyukur dalam menjalani kehidupannya sehingga lebih mengambil berat terhadap sesama manusia sebagaimana tugas

					manusia sebagai <i>khalifah fil ardhi.</i>
8	Khazri Osman, Mohd Farid Mohamad Japeri, Abu Dardaa Mohamad & Mohamad Azrien Mohamed Adnan (2022)	Amalan Kesantunan Berbahasa Dalam Rawatan Dan Pemulihan Dadah Menerusi Pendekatan Psikospiritual Islam Dan Tasawuf	Focus kajian adalah tentang amalan kesantunan berbahasa dalam rawatan dan pemulihan dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf.	Kuantitatif	Pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf boleh dimanfaatkan dalam rawatan dan pemulihan dadah
9	Siti Nur Aafifah Hashim & Wan Norhaniza Wan Hasan (2022)	Aplikasi Kaedah Pengurusan Kesihatan Mental Psikospiritual Islam Untuk Sokongan Talian Berpusat Masjid	Antara bentuk inovasi masjid yang boleh diperkenakan adalah kaedah pengurusan kesihatan mental berdasarkan psikospiritual Islam	Kualitatif	Terdapat lima ciri kesejahteraan mental menurut perspektif psikospiritual Islam daripada kajian ini iaitu ketenangan, <i>wasatiyah</i> , realistik, kepuasan dan berkemampuan
10	Mapatan Sudin Md Noor Saper & Nor Sayyidatina Che Rozubi (2022)	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-Psi) Terhadap Remaja Mangsa Buli Siber	Pembinaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBI-Psi) untuk pencegahan buli siber bertujuan meningkatkan penghargaan kendiri, efikasi kendiri dan daya tindak remaja mangsa buli siber	Kuantitatif	Antara bentuk sumbangan baru kepada pengamal bimbingan dan kaunseling di Malaysia ialah dengan penghasilan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam. Guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa di sekolah dan fasilitator boleh menggunakan modul ini sebagai alternatif intervensi pencegahan buli siber di sekolah.
11	Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman & Shahruhanuar Mohamed (2022)	Pemulihan Diri Remaja Hamil Luar Nikah Menerusi Pendekatan Psikospiritual Islam Di Pusat Pemulihan Akhlik Negeri Selangor	Pendekatan psikospiritual Islam diperkenalkan terhadap remaja hamil luar nikah bagi membantu pemulihan diri remaja di pusat pemulihan akhlak Negeri Selangor	Kualitatif	Penyuburan aspek akal, aspek kerohanian dan aspek emosi merupakan kaedah pemulihan diri menerusi pendekatan psikospiritual Islam yang

					dicadangkan dalam kajian ini.
12	Ayu Nadhirah Mohd Suhaime, Nurul Husna Mansor, Abd. Aziz Rekan, Khairul Hamimah Mohammad Jodi & Mohd Syukri Zainal Abidin	Pembangunan Model Intervensi Kawalan Ketagihan Pornografi Berasaskan Pendekatan Psikospiritual Islam: Satu Analisis Keperluan	Tinjauan awal bagi mengenal pasti keperluan pembangunan model intervensi kawalan ketagihan pornografi berasaskan pendekatan psikospiritual Islam dilakukan melalui kajian ini	Kualitatif	Dapatkan kajian mendapati keperluan terhadap pembangunan model intervensi kawalan ketagihan pornografi berdasarkan pendekatan psikospiritual Islam bagi menangani permasalahan kesihatan fizikal, mental, rohani dan akhlak masyarakat
	2023				

Berdasarkan 12 artikel yang dipilih, pengkaji telah menganalisis pola kajian psikospiritual Islam berdasarkan tahun kajian dilaksanakan. Artikel yang dipilih berdasarkan lima tahun terkini iaitu dari tahun 2018 hingga 2023. Trend kajian berkait dengan psikospiritual Islam kini semakin masyhur dan mendapat perhatian para pengkaji masa kini dalam menguruskan penyakit fizikal, mental mahupun rohani. Topik psikospiritual yang menjadi fokus pengkaji kebanyakannya lebih menumpukan kepada pemulihan kembali kepada fitrah transgender, pencegahan dadah golongan berisiko, COVID-19: perspektif psikospiritual Islam bagi pelajar, terapi psikospiritual Islam di kalangan pelajar wanita, pembangunan manual psikospiritual dalam penjagaan paliatif, model motivasi pembangunan diri remaja, perubahan keberagamaan klien pasca terapi psikospiritual, rawatan pemulihan dadah, kesihatan mental, mangsa buli siber, pemulihan akhlak remaja hamil dan pembangunan model intervensi kawalan ketagihan pornografi.

Berdasarkan kajian lima tahun terkini, terdapat pelbagai isu berkaitan psikospiritual Islam telah dikaji, namun begitu banyak lagi isu-isu berkaitan permasalahan akhlak dan moral serta bidang-bidang keinsanan yang lain belum diterokai dan wajar diterokai. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, dapatkan kajian sedia ada menunjukkan bahawa pendekatan psikospiritual Islam mempunyai keistimewaan, kekuatan dan keberkesanannya yang tersendiri dalam merawat pelbagai penyakit yang dihadapi oleh masyarakat yang berbentuk rohani mahupun jasmani. Normadiana et al. (2021) dalam kajiannya mendapati didikan agama adalah penting dan perlu disemai dalam diri setiap orang supaya masalah sosial dapat dibendung.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pendekatan psikospiritual Islam adalah signifikan dan wajar diketengahkan dalam menyelesaikan masalah hidup yang dihadapi oleh pelbagai lapisan kategori manusia. Ini kerana, ia adalah proses mengembalikan hamba kepada Allah S.W.T. Proses penyucian jiwa atau dalaman manusia dapat menghakis segala sifat mazmumah dan mananam serta menyuburkan sifat mahmudah dalam diri manusia. Ia memantapkan empat elemen spiritual iaitu al-qalb, al-nafs, al-aql dan al-rūh. Pendekatan psikospiritual Islam menjadikan akidah dan tauhid sebagai landasan utama dalam membentuk insan soleh yang benar-benar bertakwa di sisi Allah S.W.T.

Berdasarkan analisis SLR yang dijalankan, kajian ini amat penting dikaji dan diterokai kerana ia memandu kita memahami bahawa elemen psikospiritual Islam sangat membantu umat Islam dalam menangani krisis akhlak dan moral yang berlaku dalam masyarakat. Implikasi daripada kajian ini, dapatkan SLR dapat dimanfaatkan oleh para pengamal, penyelidik, penghasilan teori baru dan panduan berguna kepada semua pihak.

Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan secara analisis kandungan (sorotan kajian sistematik-SLR), kajian ini masih belum diterokai secara meluas oleh pelbagai pihak dan organisasi. Oleh itu, wajar kajian-kajian pada masa akan datang mengguna pakai pendekatan psikospiritual bagi menangani permasalahan berkaitan akhlak dan kemanusiaan. Kajian pembangunan model dan modul berasaskan psikospiritual adalah amat perlu dalam menangani masalah akhlak, isu kesihatan mental dan cabaran semasa.

Sumbangan Penulis Bersama

Idea asal penulisan adalah cetusan daripada Norhapizah Mohd Burhan termasuk jenis artikel yang menjadi fokus kajian. Manakala penulisan artikel dilaksanakan oleh Nur Masitah Mazlan. Semakan artikel, pemurnian laras ayat serta pemindahan kandungan artikel di dalam template jurnal termasuk semakan garis panduan jurnal dilaksanakan oleh Norhapizah Mohd Burhan.

Penghargaan

Terima kasih kepada para penyelidik terdahulu dan pengkaji yang meneroka bidang psikospiritual yang menjadi wadah untuk dimanfaatkan dalam kehidupan dan pengayaan ilmu. Ia memberi nilai tambah dalam pengkajian ilmu baru untuk bidang ini.

Rujukan

- Abdullah, Z., Sa'ari, C. Z., & Chang, L. W. (2018). Transgenderisme di Malaysia: Pelan Bimbangan Kembali kepada Fitrah dari Perspektif Psikospiritual Islam. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 20(2), 279–322. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no2.9>
- Arena Che Kasim. (2021). Pengurusan Psikospiritual Berdasarkan Pemikiran Al-Muhasibi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Badri, M. (2018). an Islamic Psychospiritual Study. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 1–173.
https://books.google.com/books?hl=en&lr=&id=QjFuDwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PP1&dq=islamic+law&ots=_Eh8sC0hSt&sig=w8OxQK_fq1YZo44lC72iLb_Td5o
- Endah Wahidah, Rifki Rosyad, & Ilim Abdul Halim. (2021). Perubahan Keberagamaan Klien Pasca Terapi Psikospiritual Islam. *Jurnal Iman Dan Spiritualitas*, 1(3), 253–262. <https://doi.org/10.15575/jis.v1i3.13120>
- Fakhri Fadzli. (2022). Fa Inni Qarib. Bandar Baru Bangi: JT Books PLT
- Khazri Osman, Mohd Farid Mohamad Japeri, Abu Dardaa Mohamad, & Mohamad Azrien Mohamed Adnan. (2022). Amalan Kesantunan Berbahasa Dalam Rawatan Dan Pemulihan Dadah Menerusi Pendekatan Psikospiritual Islam Dan Tasawuf. *Jurnal Pengajaran Islam*, 15(I), 237–248.
- Majid, M. A., Azman, N. Z., & Mohamed, S. (2021). Pemulihan Diri Remaja Hamil Luar Nikah Menerusi Pendekatan Psikospiritual Islam Di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. *Journal of Human Capital Development*, 14(1), 135–154.
- Md Sham, F. (2016). Elemen Psikologi Islam dalam Silibus Psikologi Moden : Satu Alternatif. *Global Journal Al Thaqafah*, 6(1), 75–86.
- Mohd Zahari, S. Z., Othman @Seman, M. M., Molkan @Malkan, S. N. A., & Che Hassan, N. H. (2020). [Approaches to Islamic Psychospiritual Therapy among Female Students: A General Review in UiTM Pahang, Campus Jengka] Pendekatan Terapi Psikospiritual Islam di Kalangan Pelajar Wanita: Suatu Tinjauan Umum di UiTM Pahang, Kampus Jengka. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 216–228. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.2.495>

- Najmee, A. N. A., Tan, A. Q., Awang, A. F., Zulkefly, N. R., & Hassan, N. M. (2020). COVID-19 : Perspektif Psikospiritual Islam bagi Pelajar. *Insan Junior Researcher Conference*, 302–306.
- Norhashimah, Y., Syed Hadzrullathfi, S. O., Siti Hajar, M. Y., Mohd Sani, I., Aman Daima, M. Z., Muhammad Hafizi, R., & Akila, M. (2021). Elemen Kesufian Menurut Al Muhasibi dan Hubungannya dengan Psikospiritual dalam Menangani Tekanan Akibat Pandemik Covid 19. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 1(3), 186–192.
- Normadiana, M.N., Norizah, O., Mohammad Mokhtar, S., Mohd Mawardi, M. K. (2021). Gejala Sosial di Kalangan Mahasiswa Universiti. *GADING Journal for Social Sciences*, 24 (3), 38-46
- Othman, N. (2011). Exploring the Ummatic Personality Dimensions from the Psycho-spiritual Paradigm. *International Journal of Psychological Studies*, 3(2).
- <https://doi.org/10.5539/ijps.v3n2p37>
- Paad, N. S., Muhsin, S. B. S., & Abidin, M. S. Z. (2022). Islamic Psychospiritual Implementation in Motivational Model of Adolescents' Self-Development. *Afkar*, 23(2), 405–444. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no2.11>
- Rafika, A. S., Yunan Putri, H., & Widiarti, F. D. (2017). Sebagai Sumber Baru Untuk Kutipan. *Cerita*, 3(2), 13. <https://core.ac.uk/download/pdf/285996222.pdf>
- Rosni, W., Abdur Hamdi, U., Rosman, S. Z., & Abdul Hadi, A. (2019). Terapi Psikospiritual Islam untuk Pencegahan Dadah Golongan Berisiko Menurut Pendekatan Abu Talib Al-Makki. *E-Proceeding of The 4th International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith, November*, 76–86.
- Sa'ari, C. Z., Chik, H., Sa'ari, C. Z., Syed Muhsin, S. B., Abdul Aziz, N. A., Mohammad Jodi, K. H., Muhamad Shukri, A. S., Karman, S., Surip, A. G., & Zainuddin, S. I. (2021). Analisis Keperluan Pembangunan Manual Psikospiritual Islam dalam Penjagaan Paliatif. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains 2021, September*, 143–154. <http://library1.nida.ac.th/termpaper6/sd/2554/19755.pdf>.
- Sakinah Salleh, Rosni Wazir, Kamal Azmi Abd Rahman, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang, Auf Iqbal Kamarulzaman. (2022). Mengatasi Masalah Kesihatan Mental Melalui Pendekatan Psiko Spiritual. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. 7(47), 601-615.
- Shahril Nizam Zulkipli, Ishak Suliaman, Mohd Syukri Zainal Abidin, Norazmi Anas, & Wan Kamal Nadzif Wan Jamil. (2023). Psikoterapi Nabawi Sebagai Rawatan Komplimentari Kejiwaan Dalam Menangani Isu Kesihatan Mental. *Islamiyyat*. 45(1), 195-213.
- Siti Nur Aafifah Hashim, & Wan Norhaniza Wan Hasan. (2022). *Aplikasi kaedah pengurusan kesihatan mental psikospiritual Islam untuk sokongan talian berpusat masjid*. 7(1), 30–39.
- Sudin, M., Saper, M. N., & Che Rozubi, N. S. (2022). Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBi-Psi) terhadap Remaja Mangsa Buli Siber. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001676. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1676>
- Syeikh Abdullah Basmeih. (2010). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran:(30 juz). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Zahid, E. S. M. (2019). Pembangunan Spiritual: Konsep dan Pendekatan dari Perspektif Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2(October), 64–87.